

Pas. sokong guna dinar emas

BH 3/7/03

KUALA TERENGGANU: Pas menyokong langkah kerajaan menggunakan dinar emas dalam urusan perdagangan antara-bangsa dengan Iran sebagai alternatif kepada penggunaan dolar Amerika dan euro.

Pemangku Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata keputusan itu adalah langkah positif yang perlu disokong dan diperluaskan kepada semua anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Saya yakin dinar emas mempunyai kelebihan berbanding dolar dan euro kerana ia bergantung kepada sumber alam yang banyak di negara umat Islam," katanya selepas mesyuarat Exco Kerajaan Negeri, di sini semalam.

Beliau mengulas keputusan kerajaan menggunakan dinar emas dalam urusan perdagangan antarabangsa yang dicanangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dijangka bermula akhir tahun ini antara Malaysia dengan Iran.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, jika kaedah urus niaga kedua-dua negara itu berjaya, ia akan diperluaskan ke negara lain, terutama yang mempunyai perjanjian pembayaran dua hala (BPA)

dengan Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata, banyak lagi negara, terutama negara Arab menyatakan minat menggunakan mekanisma yang sama, tetapi keputusan berbuat demikian mengambil masa termasuk terpaksa melalui prosedur tertentu perbankan.

Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu berkata, penggunaan dinar emas adalah langkah positif untuk membebaskan negara daripada penjajahan ekonomi oleh Amerika Syarikat.

"Negara umat Islam adalah strategik dari segi ekonomi, bukan saja kaya dengan bahan mentah tetapi kedudukan geografi menyambung Asia dan Eropah," katanya.

Beliau berkata, mengikut ajaran Islam, umat Islam boleh mengadakan hubungan dagang dengan mana-mana agensi walaupun di negara yang tidak mempunyai hubungan diplomatik.

Ditanya mengenai hubungan dagang dengan Isreal, Abdul Hadi berkata, perkara itu mengikut keperluan serta kepentingan dan sekiranya perdagangan untuk membiayai keganasan negara Yahudi, ia adalah tidak wajar.